

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)

12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2
62100 Putrajaya, Malaysia
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)



KENYATAAN MEDIA

14 SEPTEMBER 2021

Syarikat Didapati Bersalah Curi Elektrik

Putrajaya, 14 September – Mahkamah Sesyen Sepang pada 25 Ogos lalu telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM50,000 atau satu (1) tahun penjara ke atas sebuah syarikat pengeluar dan pengeksport sarung tangan, WRP Asia Pacific Sdn. Bhd. atas kesalahan mencuri elektrik dengan membuat pengusikan pada meter elektrik kepunyaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan menghalang meter tersebut dari merekodkan penggunaan elektrik yang sebenar.

Hakim Mahkamah Sesyen Tuan Tengku Shahrizam Tuan Lah menjatuhkan hukuman itu selepas berpuas hati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes berkenaan.

Syarikat itu dituduh di bawah subseksyen 37 (3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya sekali. Syarikat tersebut diwakili Jason Leong daripada firma guaman Thomas Philip manakala pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Tenaga (ST), Nazeehan Farhy Nasseri.

Sebagai badan kawal selia sektor tenaga negara, ST sentiasa melaksanakan penguatkuasaan peruntukan undang-undang pembekalan tenaga. ST berharap hukuman ke atas tertuduh ini menjadi peringatan kepada semua pihak agar tidak mencuri elektrik dengan cara mengusik meter elektrik pihak utiliti dengan niat untuk mengganggu bacaan bil elektrik daripada mencatatkan bacaan meter dengan betul.

ST memandang serius kes seperti ini kerana ia bukan saja melibatkan soal keselamatan, tetapi turut memberi implikasi yang besar kepada negara kerana ia akan meningkatkan kos pembekalan elektrik kepada pengguna. Sehubungan itu, ST sentiasa mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk memaklumkan sebarang aktiviti mencuri elektrik dengan mengusik meter elektrik melalui sistem eAduan ST yang boleh dicapai melalui laman web www.st.gov.my.

*** Tamat***

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azrina Mohammad Jais/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azrina)/013 2183778 (Zairulliati)/018 3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.